

11 DEC 2002

Zainal-Persaraan

MTUC TETAP USAHAKAN MEMORANDUM BERSAMA CUEPACS ISU LANJUT UMUR BERSARA

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) akan tetap berusaha mengadakan pertemuan Cuepacs untuk berbincang mengenai cadangan melanjutkan umur persaraan kakitangan awam daripada 56 kepada 58 tahun walaupun cadangan itu ditolak kerajaan semalam.

Presidennya Senator Zainal Rampak berkata, pertemuan itu akan diadakan tidak lama lagi untuk menghasilkan satu memorandum bersama berhubung cadangan itu yang akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata pihaknya akur dan berterima kasih kepada kerajaan yang menaikkan umur persaraan daripada 55 kepada 56 tahun baru-baru ini tetapi MTUC tetap berpendapat bahawa masih ada ruang untuk kerajaan terus membantu kakitangan awam.

"Kerajaan kita yang memang dikenali dengan sikap timbang rasanya terhadap kakitangan awam sudah pasti akan melihat dahulu memorandum itu untuk memberi ruang kepada usaha membantu mereka," katanya semasa dihubungi di sini, hari ini.

Semalam Dr Mahathir berkata kerajaan menolak cadangan itu kerana ia akan membabitkan perbelanjaan yang tinggi sedangkan kerajaan baru sahaja melanjutkan tempoh persaraan selama setahun kepada 56 tahun.

Dalam kenyataan balas semalam, Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam dilaporkan berkata isu itu dianggap telah ditutup untuk sementara waktu sehingga ekonomi negara pulih sepenuhnya.

Zainal berkata beberapa negara seperti Jepun, Korea dan Singapura menetapkan umur persaraan kakitangan awamnya kepada 60 tahun dan kini sedang berusaha menaikkan tempoh itu kepada 62 tahun.

"Kita pohon supaya umur persaraan dinaikkan kepada 58 tahun, bukannya 60. Kita akan pohon (umur persaraan) dinaikkan kepada 60 tahun secara berperingkat-peringkat," katanya.

Zainal berkata keadaan sekarang juga memerlukan kerajaan memikirkan usaha menjadikan jentera pentadbirannya lebih cakap dengan mengekalkan khidmat kakitangannya yang berpengalaman luas, terutama dari kalangan kumpulan sokongan.

Merujuk kepada nasihat Perdana Menteri supaya kakitangan yang bersara menceburi bidang perniagaan walaupun mereka menerima pencen, Zainal berkata ia agak sukar dilakukan kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai pengalaman berniaga.

"Ia belum mengambil kira modal untuk berniaga lagi. Kemudian pada umur 55 tahun, kebanyakan mereka masih dibebani banyak hutang. Hutang rumah, hutang kenderaan, beban anak yang masih bersekolah dan banyak lagi keperluan lain," katanya.

Beliau berkata satu lagi perkara yang masih diperjuangkan oleh MTUC adalah berhubung gaji minimum, walaupun kerajaan menetapkan supaya ia ditentukan oleh pasaran.

"MTUC tetap dengan pendirian bahawa satu suruhanjaya perlu ditubuhkan untuk menilai semula dan menerima cadangan MTUC untuk memperkenalkan gaji minimum," katanya.

-- BERNAMA

AZH MFJ PR